

Raja Muda Mahu Kerjasama Di Sempadan Diperluaskan Lagi
Bernama
14 Ogos, 2012

PADANG BESAR, 14 Ogos (Bernama) -- Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu kerjasama di sempadan diperkasakan di peringkat yang lebih jauh dan tidak hanya sekadar kerajaan dengan kerajaan sahaja.

Menurut baginda, antara yang boleh dilakukan bagi memantapkan kerjasama itu ialah menerusi hubungan manusia dengan manusia tanpa melampaui garisan panduan yang dibenarkan kerajaan.

Bertitah pada majlis penyerahan kuih raya kepada para pegawai dan anggota pasukan keselamatan serta agensi di sempadan Malaysia-Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam, Kurantina dan Keselamatan (ICQS) di sini hari ini, baginda melihat selama ini hubungan di sempadan lebih tertumpu pada rutin tugas rasmi sahaja.

"Secara tradisi, agenda mesyuarat di antara Malaysia dengan Thailand seringkali membincangkan isu-isu besar keselamatan di selatan negara Gajah Putih itu dan isu tradisional seperti visa dan penahanan rakyat kedua negara di sempadan," titah baginda.

Namun baginda bertitah kalau di peringkat negeri dan wilayah kedua negara, mesyuarat mungkin boleh memfokuskan ke arah mempromosikan kegiatan ekonomi, pelancongan, pendidikan, kebudayaan dan kerjasama pengangkutan yang boleh menguntungkan rakyat kedua-dua negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688033>